

Kisah Dua Perjanjian Perdagangan Bebas –RCEP & TPP

oleh

SAMIRUL ARIFF BIN OTHMAN

Pegawai Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Dalam arena strategi antarabangsa dan diplomasi, persaingan biasanya merupakan suatu paradigma negatif. Samada perebutan wilayah, perlumbaan senjata mahupun kebebasan menggunakan laluan pelayaran, umumnya persaingan adalah berisiko, menjurus ke arah konfrontasi dan tidak produktif. Bagaimanapun dalam konteks perdagangan antarabangsa, persaingan amatlah digalakkan. Umpamanya dalam sistem pasaran bebas, persaingan membawa kepada inovasi dan kecekapan. Yakni, apa yang harus dihindari antara Negara Cina dan Amerika Syarikat dalam konteks strategi antarabangsa dan diplomasi, persaingan harus pula digalakkan antara gergasi *Apple* dan *Samsung* dalam konteks perdagangan antarabangsa.

Manakala, dalam konteks keseluruhan, persaingan bukannya secara mutlak seratus peratus baik ataupun tidak baik, sebaliknya persaingan merupakan suatu senario yang patut diurus dan ditangani dengan penuh kebijaksanaan. Diplomasi perdagangan Asia merupakan suatu contoh dimana wujudnya pelbagai agenda yang bersaing untuk mempromosi perdagangan bebas sepertimana dapat dilihat munculnya “*The Asian Noodle Bowl*”, iaitu suatu rangkaian perjanjian perdagangan bebas di Asia Timur.

Para Protagonis Utama

Amerika Syarikat, dibawah payung forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (*APEC – Asia-Pacific Economic Cooperation*) mengusulkan Perjanjian Kerjasama Rentas Pasifik (*TPP –Trans-Pacific Partnership*). Manakala Sidang kemuncak Asia Timur (*EAS –East Asian Summit*) yang diterajui ASEAN pula mencadangkan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (*RCEP –Regional Comprehensive Economic Partnership*).

RCEP membabitkan negara-negara anggota ASEAN dan negara-negara yang telah menjalinkan perjanjian perdagangan bebas dengan ASEAN. Dalam ertikata lain Negara Cina, Korea Selatan, Jepun, India, Australia dan New Zealand layak menyertai RCEP. TPP pula menghimpunkan kelompok negara yang lebih luas dan tidak berkait rapat seperti New Zealand, Chile, Negara Brunei Darussalam, Singapura, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, Peru, Vietnam, Mexico and Malaysia. Sebagai catatan – Republik Indonesia tidak dipelawa menyertai rundingan TPP.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Perkara yang sangat menarik perhatian adalah TPP tidak membabitkan Negara Cina, manakala RCEP pula tidak melibatkan Amerika Syarikat. Hakikatnya terdapat dua pendekatan amat berbeza dari dua negara berbeza. TPP beriltizam menjayakan perjanjian perdagangan bebas yang eksklusif dan tidak banyak kelonggaran manakala RCEP memberi lebih kebebasan kepada negara-negara anggota dengan mengambilkira tahap pembangunan masing-masing.

Nampaknya faktor geopolitik memang berperanan kerana, buat masa kini rundingan RCEP tajaan Negara Cina tidak membabitkan Amerika Syarikat dan begitu juga sebaliknya rundingan TPP tajaan Amerika Syarikat tidak melibatkan Negara Cina. Walaupun tiada halangan khusus untuk mempelawa Negara Cina ke meja rundingan di masa hadapan, besar kemungkinan tumpuan terhadap aspek rangka kerja kawal selia akan menjadi halangan kepada mereka,

Walaupun kedua-dua agenda kerjasama ekonomi ini saling berkait rapat dan tidak semestinya saling menysisihkan, tidak dapat dinafikan bahwa TPP yang dicanangkan Amerika Syarikat berkait rapat dengan dasar condong ke Asia. Pentadbiran Obama cuba membendung kebangkitan Negara Cina melalui pengimbangan semula dasar Amerika Syarikat di rantau Asia Pasifik.

Pada tahun 2011, sewaktu lawatan rasminya ke Australia, Presiden Obama mengumumkan bahawa Amerika Syarikat akan memfokuskan dasar luar negaranya kepada kawasan Asia Pasifik. Menurut Washington, pendirian ini bertujuan untuk menghala masa depan rantau ini ke arah yang lebih stabil. Pernyataan ini kemudiannya disusuli dengan penempatan tentera Amerika Syarikat di Australia dan Filipina.

Sebenarnya, usaha memajukan kawasan Asia Pasifik oleh Amerika Syarikat mungkin lahir dari kebimbangan bahawa kebangkitan Negara Cina sebagai kuasa besar dari Asia mampu mengancam dominasi Amerika Syarikat di rantau ini. Mujurlah Negara Jepun boleh bertindak sebagai kuasa pengimbang diantara Cina dan Amerika Syarikat yang tidak mahu melepaskan kuasa dominasinya. Secara kebetulan Jepun dan Malaysia adalah dua negara yang dijemput menyertai kedua-dua rundingan TPP dan RCEP. Malaysia sebenarnya dilamar oleh kuasa-kuasa besar untuk menjadi rakan strategik mereka.

Dalam konteks senario global yang sedang berubah, Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka harus memanfaatkan yang terbaik buat dirinya. Ini dapat dilakukan dengan melakukan perubahan-perubahan kepada struktur ekonomi dan pentadbiran kerajaan yang menjurus kearah peningkatan produktiviti, seperti program transformasi ekonomi (ETP) dan program transformasi kerajaan (GTP).

Lambat-laun kita harus membuat keputusan samada menyertai RCEP, TPP atau tidak menyertai mana-mana perjanjian kerjasama ekonomi. Akan tetapi Malaysia merupakan sebuah negara perdagangan utama yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka. Justeru, mutahil bagi kita untuk memencilkan diri dan menjadi negara berkecuali.

Mengimbau kembali sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka, kita merupakan kuasa perdagangan. Bahkan kerajaan-kerajaan Melayu sebelum itu seperti Sri Wijaya, Kerajaan Kedah Tua di Lembah Bujang dan Kerajaan Melayu di Muaro Jambi, Sumatera juga mengambil bahagian di dalam perdagangan di rantau ini pada ketika itu. Ianya adalah sebahagian dari warisan kita yang tidak boleh dilunturkan.

Sekiranya kita membuat persediaan rapi, nescaya kita boleh memanfaatkan yang terbaik dari percaturan geopolitik antarabangsa. Sebaliknya jika kita lemah dan tidak bersedia, nescaya kita boleh mengalami kerugian besar, kerana kita kurang bijak membuat percaturan dan tidak mengambil bahagian dengan sebaik mungkin. Malaysia sebuah ekonomi terbuka dengan 30 juta penduduk haruslah cerdik seperti Sang Kancil, bijak menyelitkan dirinya dalam kerangka sistem antarabangsa dan mengambil manfaat darinya. Realitinya adalah perkara ini telah kita lakukan sejak dua ribu tahun dahulu.